

Muhyiddin lawat Pulau Pinang hari ini
Utusan Online
16 Jun, 2012

PULAU PINANG 15 Jun - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin akan melakukan lawatan kerja sehari ke Pulau Pinang esok.

Dalam lawatan itu, Muhyiddin akan menghadiri perjumpaan bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili orang Melayu di Universiti Sains Malaysia (USM) pada pukul 9 pagi.

Selepas perjumpaan itu, Timbalan Perdana Menteri dijadual menghadiri majlis perjumpaan bersama pekerja-pekerja industri di kilang Western Digital Media (M) Sdn. Bhd. dan menyaksikan majlis pemeteraian memorandum perjanjian (MoA) antara Lembaga Pelaksana Koridor Utara (NCIA), kilang Advanced Micro Devices Export Sdn. Bhd. dan Fabtronic Sdn. Bhd pada pukul 10.45 pagi.

Menurut kenyataan Pejabat Pembangunan Persekutuan Pulau Pinang, pada sebelah petang pula Timbalan Perdana Menteri akan melawat projek Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Muhyiddin mengakhiri lawatan kerja untuk bertemu lebih 20,000 orang pada Majlis Perhimpunan Semarak Kasih Rakyat di Jalan Raja Uda, Butterworth pada pukul 3.40 petang.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0616&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_08.htm